

Ucapan Pembukaan Oleh Yang Berhormat,  
Inche Hussein Onn, Menteri Pelajaran  
Malaysia pada hari Isnin, 10hb. April,  
1972, pukul 9.00 pagi, di-Sekolah  
Menengah Methodist (Perempuan) Jalan  
Young, Kuala Lumpur.

Dengan sabberapa sukachita-nya saya menguchap-  
kan selamat datang kepada tuan2 dan puan2 sekalian ka-  
Meshuarat Agung Tahunan 1972 Majlis Sukan Sekolah2  
Malaysia.

Saya ingin menyatakan penghargaan saya atas  
perkhidmatan yang telah tuan2 sumbangkan terhadap  
Majlis Sukan Sekolah2 Negeri tuan2.

Dalam masa beberapa tahun yang kebelakangan  
ini Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan semua Majlis  
Sukan Sekolah2 Negeri telah berkembang dan menchapai  
banyak kemajuan dan saya perchaya tidak ada lain2  
pertubohan sukan dalam negara ini yang mempunyai  
pegawai2 sukan yang lebeh rajin dan dedicated saperti  
pegawai2 Majlis Sukan Sekolah2 di-peringkat negeri  
dan kebangsaan. Semangat dedikasi ini lah yang telah  
menolong memperluaskan lagi dasar dan meninggikan  
taraf penyertaan keselurohan-nya di-peringkat sekolah,  
negeri dan kebangsaan. Saya menguchapkan terima kaseh  
kapada pegawai2 yang sungguh dedicated ini atas

perkhidmatan mereka yang berharga terhadap Majlis Sukan Sekolah2 'am-nya dan murid2 sekolah khas-nya.

Untuk mewujudkan suasana yang lebeh sehat dan segar di-peringkat kebangsaan, kita perlu mengekal-kan suatu ranchangan pelajaran jasmani yang baik dan berkesan pada sating masa bagi semua peringkat umur di-sekolah2. Kita juga perlu mengajar murid2 pelbagai kemahiran asas dalam bidang jasmani oleh kerana kemahiran2 sa-umpama itu dapat mendorong atau menggalakkan murid2 menyertai aktibiti2 yang akan menolong mereka memperkembangkan sikap2 bagi memelihara kesihatan mereka sendiri sa-lepas mereka berhenti sekolah nanti.

Dengan ada-nya semakin besar penyertaan murid2 sekolah dalam lapangan sukan, kita memerlukan jurulateh2 yang berkebolehan bukan sahaja di-peringkat Sekolah Menengah tetapi juga di-peringkat Sekolah Rendah. Saya sungguh gembira kerana Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia telah menyusun ranchangan untuk mengadakan beberapa kursus jurulateh di-peringkat kebangsaan dengan tujuan untuk mengeluarkan pegawai2 penting yang berkelayakan dalam permainan2 tertentu untuk berkhidmat di- peringkat negeri. Sukachita juga saya perhatikan bahawa Majlis

Sukan Sekolah2 Malaysia akan terus mengelolakan kursus2 jurulateh bolasepak di-peringkat negeri bagi tiga buah negeri lagi sama seperti kursus2 yang telah di-adakan di-tiga negeri Pantai Timor pada tahun lepas. Saya juga berasa gembira bahawa Majlis Sukan Sekolah2 Negeri telah menjalankan kursus2 jurulateh untok mengadakan jurulateh2 yang chukup bagi sekolah2 mereka.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untok menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan Negeri dan Sektor Swasta atas sambutan mereka yang sungguh menggalakkan terhadap rayuan kita untok mendapat bantuan kewangan dalam bentok sponsorship dan saya harap langkah mereka yang sungguh bermurah hati ini akan terus di-berikan kepada Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan semua Majlis Sukan Sekolah2 Negeri.



